


Rahsia AL-KHAFI... tertewasnya DAJAL



Rasulullah s.a.w. bersabda, "Siapa yang menghafal sepuluh ayat pertama daripada surah al-Kahfi, maka ia terlindung daripada dajal."
(HR Muslim, Abu Daud, an-Nasai dan at-Tirmidzi)

Oleh: NURSABIHAH MOHTAR

Daripada an-Nawwas bin Sim'an berkata: "Pada suatu pagi Rasulullah s.a.w. menceritakan tentang dajal. Di dalam bercerita itu, Baginda merendahkan dan mengeraskan suaranya sehingga kami mengira bahawa dajal itu berada di tengah-tengah kebun kurma. Ketika kami ke kebun, Baginda mengetahui maksud kami, kemudian Baginda bertanya, "Apa maksudmu?" Kami menjawab, "Wahai Rasulullah, tadi engkau menceritakan tentang dajal dan dalam bercerita itu engkau merendahkan dan mengeraskan suara sehingga kami mengira dajal berada di tengah-tengah kebun kurma."

Baginda bersabda, "Selain dajal ada yang lebih aku khawatirkan. Jika dajal keluar sedangkan aku masih berada di tengah-tengah kamu sekalian nescaya cukup aku sahaja yang melawannya tanpa kamu. Jika dajal keluar sedangkan aku sudah tidak berada di tengah-tengah kamu sekalian maka masing-masing mesti mempertahankan dirinya sendiri. Allah sebagai gantiku di dalam melindungi setiap Muslim.

Dajal itu adalah seorang pemuda yang berambut kerinting, matanya agak menonjol keluar. Kalau boleh aku mengumpamakan, dia itu seperti 'Abdul 'Uzza bin Qathan. Barang

siapa di antara kalian menjumpainya maka hendaklah membaca permulaan surah al-Kahfi kepadanya. Dajal keluar di antara Syam dan Iraq, kemudian dia membuat onar ke kanan dan ke kiri. Wahai hamba Allah, teguhkanlah pendirianmu."

Kami bertanya, "Wahai Rasulullah, berapa lama dia di permukaan bumi?"


Baginda menjawab, "Empat puluh hari. Sehari seperti satu tahun, sehari seperti satu bulan, sehari seperti satu minggu, dan hari-hari yang lain seperti hari-hari biasa."

Kami bertanya, "Wahai Rasulullah, pada hari yang seperti satu tahun itu apakah kita cukup mengerjakan solat seperti satu hari biasa sahaja?"

Baginda menjawab, "Tidak, kira-kira sahaja."

Kami bertanya, "Wahai Rasulullah, bagaimana kecepatannya di permukaan bumi ini?"

Baginda bersabda, "Seperti awan yang didorong oleh angin. Ia datang kepada suatu kaum dan mengajak mereka, maka mereka pun mempercayainya dan mengikuti apa yang diperintahkannya. Ia menyuruh langit untuk segera menurunkan hujan, maka turunlah hujan. Ia menyuruh tanah untuk menumbuhkan tanam-



“SUNGGUH MANUSIA MELARIKAN DIRI DARIPADA DAJAL SAMPAI DI ATAS GUNUNG.” (HR MUSLIM).

tanaman maka tumbuhlah tanam-tanaman, sehingga kembalilah para penggembala dengan ternak yang segar bugar, buah susunya penuh dengan air susu serta ternakan itu gemuk-gemuk. Kemudian ia datang kepada suatu kaum dan mengajak mereka, tapi mereka menolak ajakannya itu dan ia pergi meninggalkan mereka. Kemudian keadaan mereka sangat menyedihkan kerana tiada sedikit pun harta kekayaan mereka. Ia berjalan melalui daerah yang kosong dan berkata kepadanya, “Keluarkanlah simpananmu,” maka simpanan kekayaan daerah itu mengiringi dajal sebagaimana raja lebah yang diiringi oleh tentera lebah. Kemudian ia memanggil seseorang yang masih sangat muda dan dipenggalnya dengan pedang, dipotong menjadi dua lalu dibuang sejauh mungkin kemudian dajal memanggilnya dan pemuda yang dipenggal itu datang dengan muka yang berseri-seri sambil tertawa.

Dalam keadaan yang seperti itu tiba-tiba Allah mengutus Al-Masih (Isa) bin Maryam a.s. di mana Baginda turun pada menara putih di sebelah timur Damaskus, turun dengan meletakkan kedua-dua telapak tangannya pada sayap dua malaikat. Apabila Baginda

menundukkan kepala maka Baginda menitikkan air mata dan apabila Baginda mengangkatnya maka mengalirlah butiran seperti mutiara. Tiada seorang kafir pun yang bau nafasnya melainkan dia pasti meninggal dunia, dan nafasnya itu sampai pada batas pandangannya.

Baginda mencari dajal sehingga ditemuinya di Bab Lud (nama sebuah daerah di Palestin), lantas Baginda membunuhnya. Kemudian Isa a.s. datang pada sesuatu kaum yang telah dipelihara Allah daripada gangguan dajal, Baginda lantas mengusap muka mereka dan menceritakan darjat mereka di dalam syurga.

Dalam keadaan yang demikian itu, tiba-tiba Allah memberi wahyu kepada Isa a.s., “Sesungguhnya Aku telah mendatangkan makhluk kepada hamba-Ku, yang tiada seseorang pun dapat memerangi mereka maka usirkanlah hamba-Ku ke bukit Thur.”

Allah mendatangkan Yakjuj dan Makjuj, mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat-tempat yang tinggi. Rombongan yang pertama di antara mereka berjalan melalui danau Tobarriyyah dan meminum semua air yang berada di danau itu sehingga rombongan yang terakhir berkata, “Tadi di sini penuh air.”

Nabi Isa berserta para sahabat terkepung sehingga nilai kepala lembu bagi seseorang di antara mereka itu lebih berharga daripada seratus dinar bagi seseorang di antara kamu sekalian waktu sekarang ini.

Nabi Isa a.s. berserta para sahabat merasa sangat benci kepada Yakjuj dan Makjuj, serta mereka berdoa kepada Allah. Lantas Allah mendatangkan penyakit kepada Yakjuj dan Makjuj sehingga mereka mati serentak.

Kemudian Nabi Isa berserta para sahabatnya turun dari bukit ke bumi, mereka tidak mendapatkan sejengkal tempat pun di permukaan bumi ini melainkan sudah penuh dengan bangkai dan bau busuk. Maka Nabi Isa berserta para sahabatnya berdoa kepada Allah. Kemudian Allah mengutus burung yang seperti leher unta

lantas mengambil dan membuang bangkai-bangkai Yakjuj dan Makjuj pada tempat yang dikehendaki oleh Allah. Kemudian Allah menurunkan hujan lebat sampai menggenangi rumah dan tempat (sarang) binatang, untuk mencuci bumi sehingga bumi ini sangat bersih seperti batu yang licin.

Kemudian diperintahkan kepada bumi, “Tumbuhkanlah buah-buahanmu dan keluarkanlah barakahmu.” Maka pada waktu itu orang cukup makan delima dan bernaung dengan kulitnya serta diberi barakah dalam susu seekor lembu cukup untuk satu suku bangsa. Dan air susu seekor kambing cukup untuk beberapa orang.

Sewaktu mereka dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba Allah mengutus angin segar yang masuk melalui bawah ketiak mereka serta mencabut roh setiap orang mukmin dan Muslim. Dan orang-orang yang jahat masih tetap hidup di dunia di mana mereka saling berbuat kekacauan seperti keldai. Maka pada mereka itulah terjadilah hari kiamat.” (HR Muslim).

Mengapa Al-Kahfi?

Menghafal sepuluh ayat pertama daripada surah al-Kahfi, maka ia terlindung daripada dajal. Hadis itu menimbulkan persoalan tentang perkaitan dajal dengan amalan membaca surah al-Kahfi. Oleh itu Al Islam bertanya perkara ini kepada Sanusi Azmi, Pensyarah Fakulti Pengajian al-Quran & as-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkenaan kaifiat surah al-Kahfi yang dianjurkan untuk membacanya pada malam Jumaat.

Menurutnya, perkara pertama yang perlu difahami tentang kandungan 10 ayat pertama surah al-Kahfi dan perkaitan dengan sifat dajal itu sendiri. Dajal ini sinonim dengan fitnah kerana bersifat menipu dan suka menyembunyikan kebenaran. Sehingga dalam hadis pun banyak menyebut perkataan fitnah dajal. “Kalau kita lihat dalam hadis selalu disebut ‘fitnah dajal’. Jadi Dajal merupakan satu makhluk yang sinonim dengan fitnah.”

Ujarnya, dajal merupakan manusia biasa yang dikur-niakan Allah boleh melaku-kan perkara-perkara ajaib. Contohnya menghidupkan yang mati, menumbuhkan tumbuhan, menyuburkan haiwan-haiwan ternakan. Oleh yang demikian dajal ini boleh membawa kepada fitnah kerana dia akan memberi kekeliruan kepada manusia. Sehingga manusia beranggapan dajal yang membawa kebenaran.



Sanusi Azmi

oleh manusia maka itu sebenarnya adalah air yang dingin dan segar.” Barang siapa di antara kamu sekalian berjumpa dengan dajal, maka hendaklah ia membuat keputusan memilih pada apa yang terlihat sebagai api kerana sesungguhnya itu adalah air yang segar dan baik.” Kemudian Abu Mas’ud berkata, “Saya pun telah mendengar berita yang seperti itu.” (HR al-Bukhari dan Muslim).

Fitnah Bengkok dan Keliru

Seterusnya Sanusi, mengajak pembaca untuk memahami sifat fitnah yang mengelirukan. Fitnah ini boleh membengkokkan dan mengelirukan manusia dari jalan kebenaran. Konklusinya, Allah memberikan dajal ini kelebihan yang luar biasa dan boleh mempengaruhi manusia lain dengan fitnahnya.

Hudzaifah berkata, “Sesungguhnya dajal itu akan keluar dengan membawa air dan api. Adapun apa yang terlihat air oleh manusia maka itu sebenarnya adalah api yang membar-kan. Sedangkan apa yang terlihat api

Tafsir Al-Kahfi

Berbalik pula pada perkaitan 10 ayat pertama dalam surah al-Kahfi itu, Mengapa Rasulullah menganjurkan kepada umat manusia untuk meng-amalkan surah ini?


Menjawab persoalan tersebut, Sanusi membuka tafsir ayat pertama surah ini yang mana Allah menerangkan sifat al-Quran yang lurus tidak membengkokkan. Ayat pertama surah ini sahaja sudah menerangkan perbezaan sifat fitnah yang membengkokkan manakala al-Quran itu turun sebagai petunjuk jalan yang lurus.

AYAT KEDUA DAN KETIGA

Kemudian tafsir ayat kedua dan ketiga menerangkan sifat al-Quran itu yang akan berhadapan dengan fitnah yang menyesatkan manusia. Allah akan mengazab manusia yang terpedaya dengan fitnah dajal. Al-Quran juga turun sebagai pengawas dan pemberi amaran kepada fitnah dajal itu. Pada masa yang sama Allah akan beri ganjaran kepada orang mukmin yang setia dengan al-Quran.

KEEMPAT DAN KELIMA

Sanusi menghuraikan lagi, tafsir ayat empat dan lima, Allah memberi amaran keras kepada manusia yang mengatakan Allah itu mempunyai anak. Contohnya, agama



Kristian mengiktiraf Jesus sebagai anak tuhan. Manakala Yahudi mengatakan Uzair adalah anak tuhan seperti yang disebut dalam surah at-Taubah ayat 30 yang bermaksud “Dan Uzair ialah anak Allah, dan orang-orang Nasrani berkata “Al-Masih ialah anak Allah...”

“Jadi barang siapa yang mengatakan Allah itu mempunyai anak, itu tanda syirik kepada Allah. Sepatutnya Allah itu satu. Ia membawa maksud Allah mahu mencela golongan yang mengambil makhluk sebagai anak kepada Allah. Jadi bersangkutan dengan fitnah dajal yang lebih dahsyat kerana mengaku dirinya sebagai Tuhan.

“Kalaulah manusia sudah mengiktiraf makhluk sebagai anak tuhan inikan pula manusia itu sendiri mengaku dirinya sebagai tuhan. Sudah pasti Allah murka. Oleh yang demikian dalam ayat tersebut Rasulullah mengingatkan manusia untuk menguasai ayat ini supaya berhati-hati dengan sifat dajal yang suka mengaku dirinya sebagai tuhan,” terangnya.

KEENAM

“Kemudian tafsir ayat keenam, Allah memujuk Rasulullah supaya tidak terlalu kecewa dengan manusia yang akan mengikut dajal. Sedangkan Rasulullah sudah bersungguh memberi amaran kepada manusia untuk menghindari diri daripada dajal,” katanya.

Daripada Ummu Syari berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sungguh manusia melarikan diri daripada dajal sampai di atas gunung.” (HR Muslim).



KETUJUH DAN LAPAN

Kemudian, Sanusi menerangkan tafsir ayat tujuh dan lapan surah al-Kahfi yang sangat jelas menunjukkan sifat fitnah yang boleh mengelirukan manusia daripada kebenaran Allah. Di samping itu, Allah menerangkan sebab dijadikan dajal, adalah sebagai ujian fitnah kepada manusia untuk menilai siapakah yang paling terbaik. Seperti sabda

Rasulullah s.a.w., "Tidak ada fitnah yang lebih besar dari fitnah dajal." (HR Ahmad).

DAJAL ITU SINONIM DENGAN FITRAH KERANA BERSIFAT MENIPU DAN SUKA MENYEMBUNYIKAN KEBENARAN

KESEMBILAN DAN SEPULUH

Seterusnya ayat sembilan dan 10, Allah menunjukkan bukti fitnah yang berlaku. Pada ayat itu, Allah menceritakan kisah para pemuda yang melarikan diri untuk menyelamatkan diri agar terhindar daripada kaum mereka yang membuat fitnah agar mereka itu berpaling daripada agama mereka. Jadi, di situ jelas menunjukkan fitnah yang akan berlaku dan antara fitnahnya adalah fitnah akidah.

Tambah Sanusi lagi, pada permulaan kisah Asabul Khafi, Allah menunjukkan kekuasaannya menidurkan para pemuda itu selama 360 tahun. Jadi manusia tidak perlu terkejut dengan keajaiban yang akan dibawa oleh Dajal.

Di samping itu juga, keseluruhan surah al-Kahfi ini menceritakan tentang pelbagai jenis fitnah. Antaranya fitnah akidah, fitnah harta, fitnah kuasa dan fitnah ilmu. Fitnah harta boleh diambil iktibar daripada kisah dua orang pemuda yang memiliki kebun, tetapi salah seorang bersikap sombong dan riak dengan harta yang dimiliki.

Manakala fitnah ilmu pula tentang kisah Nabi Khidir dan Nabi Musa yang terpedaya dengan ilmu yang dia ada. Nabi Musa berasakan sudah mempunyai ilmu yang banyak kerana dia seorang nabi tapi sebenarnya Nabi Khidir ada ilmu yang tidak diketahui Nabi Musa. Kemudian fitnah kuasa, kisah antara Zulkarnain dan Yakjuj Makuj. Yakjuj Makjuj merupakan makhluk jahat yang diberikan kuasa oleh Allah dan akan berlaku bencana sekiranya orang jahat yang menguasai dunia. Jadi Allah menurunkan Zulkarnain sebagai penyelamat untuk menyekat kuasa kejahatan itu. **A**

SEKILAS

**Hanya seorang kalis
GODAAN DAJAL**

Daripada Abu Sa'id Al-Khudri daripada Nabi s.a.w. bersabda:

"Dajal akan muncul kemudian ada seorang lelaki mukmin yang datang kepadanya, lalu dia disambut oleh tentera-tentera dajal di mana mereka tanya kepadanya, "Hendak ke mana kamu?" Lelaki itu menjawab "Saya mahu menemui seseorang yang baru sahaja muncul."

Mereka bertanya kepada lelaki mukmin itu, "Apakah kamu tidak percaya kepada Tuhan kami?" Lelaki itu menjawab, "Tidak ada keraguan sedikit pun tentang Tuhan kami." Mereka berkata, "Bunuhlah orang ini." Salah seorang dia antara mereka berkata kepada yang lain, "Bukankah Tuhanmu telah melarang kamu untuk membunuh seseorang tanpa perintahnya?"

Mereka lantas membawa lelaki mukmin itu ke hadapan dajal. Lelaki itu berkata, "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya inilah dajal yang disebut-sebut oleh Rasulullah s.a.w." Kemudian dajal memerintahkan untuk menelentangkan lelaki mukmin itu serta berkata, "Sekalah orang ini. Pecahkanlah kepalanya serta pukullah punggung dan perutnya." Kemudian dajal bertanya, "Apakah kamu belum percaya kepadaku?" Lelaki mukmin itu menjawab, "Engkau adalah al-Masih pendusta besar."

Dajal lantas memerintahkan agar lelaki mukmin itu dibelah dengan gergaji dari kepala sehingga terbelah dua searah dengan kedua-dua kakinya. Kemudian dajal berjalan melalui kedua-dua bahagian itu, serta berkata kepadanya, "Bangkit dan berdirilah tegak." Lalu dajal bertanya kepadanya, "Apakah kamu belum percaya kepadaku?" Lelaki mukmin itu menjawab, "Malah pengetahuanku tentang engkau bertambah jelas."

Kemudian lelaki mukmin berkata, "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya dajal tidak akan boleh berbuat seperti ini lagi kepada sesiapa pun setelah memperlakukan sedemikian rupa kepadaku." Lantas dajal memegang lelaki mukmin itu untuk disembelih tetapi tiba-tiba Allah menjadikan anggota badan yang berada di antara leher dan tulang belakang itu seperti baja sehingga dajal tidak mampu menyembelohnya. Kemudian dajal memegang kedua-dua tangan dan kedua-dua kakinya lantas dilemparkan ke suatu tempat yang orang-orang menyangka tempat itu ialah neraka, sedangkan sebenarnya ia dilempar ke dalam syurga."

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, "Inilah manusia yang paling besar persaksiannya (mati syahid yang paling tinggi tingkatannya) menurut Tuhan seru sekalian alam." (HR Muslim).